



8 September 2017
8 September 2017
P.U. (A) 257

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2017

FOOD (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33(1) dan seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pengkompaunan Kesalahan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Pembayaran kompaun

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membuat pembayaran kompaun itu secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos atau draf bank kepada Pengarah atau pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Pengarah.

(2) Pembayaran yang dibuat di bawah subperaturan (1)—

- (a) secara tunai hendaklah diserahkan sendiri; atau
- (b) melalui kiriman wang, wang pos atau draf bank boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar yang dialamatkan,

ke pejabat Pengarah atau pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Pengarah.

(3) Pengarah atau pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985] yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

1. peraturan 9;
2. peraturan 10;
3. peraturan 11;
4. peraturan 14;
5. peraturan 16;
6. peraturan 18;
7. peraturan 18E;
8. peraturan 35;
9. peraturan 36;
10. peraturan 360A;
11. peraturan 360B;
12. peraturan 360C;
13. peraturan 361;
14. peraturan 386A; dan
15. peraturan 394A.

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2017

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33(1) Akta Makanan 1983 [Akta 281] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya,
.....(nama)
dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun (nama orang yang
tawaran kepadanya tawaran kompaun itu dibuat) bagi
kesalahan yang dilakukan di bawah
yang dikatakan dilakukan pada(tarikh).....
di(tempat).....

Bertarikh hari bulan, 20.....

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya